

Graduan harus miliki sikap penakluk

MASA untuk bergantung kepada kuota semata-mata sudah berlalu kerana konsep pemilihan sekarang adalah berdasarkan merit dan dalam sektor pekerjaan ia membabitkan cara graduan memasarkan diri mereka.

Siswazah mempunyai dua pilihan iaitu menyiapkan diri menghadapi cabaran atau terus ketinggalan dalam arus pembangunan.

Sehubungan itu, graduan perlu bertanyakan kepada diri sendiri adakah mereka memiliki ciri penakluk untuk disesuaikan dengan tuntutan semasa atau masih tergolong dalam kategori sedia ditakluk.

Graduan penakluk adalah mereka yang sudah menyiapkan diri dengan ciri-ciri yang diperlukan oleh majikan, selain memiliki kelulusan akademik membanggakan.

Dalam persaingan mendapat-

kan kerja, kelulusan akademik bukan lagi menjadi kriteria utama sebaliknya ia hanya sebahagian daripada pakej keseluruhan yang diperlukan termasuk kelebihan bahasa, keyakinan diri dan penampilan menarik.

Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia, Dr Mohd Fadzil Che Din ketika memberi pandangan mengenai masalah yang dihadapi oleh siswazah dalam menghadapi cabaran dalam mencari pekerjaan berkata:

"Graduan jangan beranggapan segala-galanya tersedia untuk mereka. Ada kuota untuk belajar dan ada kuota untuk pekerjaan kerana zaman sekarang berbeza dengan zaman dulu.

"Mereka juga tidak sepatutnya mengejar jawatan tertentu kerana selain terhad, persaingan cukup hebat.

"Sebaliknya mereka perlu memanfaatkan ilmu diperoleh serta mencari peluang pekerjaan lain yang bersesuaian."

Dr Mohd Fadzil yang juga seorang kaunselor berkata, disebabkan cabaran dan persaingan mendapatkan pekerjaan, kematanngan dalam memilih bidang kerjaya menjadi begitu penting.

Katanya, jika dulu pelajar hanya menanti apa saja yang datang kepada mereka, kini keadaan berlainan di mana mereka perlu merancang apa yang bakal ditempuh.

Contohnya, katanya, perancangan mengenai kerjaya perlu di terapkan di peringkat sekolah rendah bukan menanti sehingga mendapat segulung ijazah baru hendak mencari jawatan sesuai.

"Pelajar kita sekarang main langgar saja. Tamat tingkatan lima barulah hendak cari universiti dan apabila sudah diterima,

mulalah hendak fikir kursus apa hendak ambil.

"Selepas tamat pengajian, baru hendak cari kerja. Bagaimana mereka hendak tahu nilai pasaran dan ciri kerja yang ada. Apatah lagi untuk membuat persediaan sesuai dengan kehendak majikan," katanya.

Dr Mohd Fadzil berkata, Malaysia yang bakal menjadi negara maju memerlukan sistem pendidikan berdasarkan kepada orientasi bukan semata-mata untuk lulus periksa.

Selain itu, katanya, pendidikan kerjaya hendaklah bermula dari sekolah rendah supaya pelajar tahu apakah yang diperlukan untuk membina sesebuah kerjaya.

Faktor lain yang perlu diberi perhatian serius, katanya, ialah tanggungjawab ibu bapa merancang masa depan anak mereka.

Beliau berkata, perancangan

bukan bermakna ibu bapa perlu mencorak kerjaya anak tetapi membuat persediaan lengkap termasuk menyediakan pelan insurans pendidikan untuk mereka.

Katanya, melihat kepada amalan bangsa lain seperti Cina dan India, walaupun anak masih kecil tetapi kebijakan masa depan mereka sudah terjamin.

Ibu bapa kalangan bangsa Cina dan India katanya, menjadikan simpanan atau pelan insurans pendidikan sebagai satu kemesian sebagai persediaan pendidikan anak mereka.

Malangnya, kesedaran itu masih rendah di kalangan ibu bapa Melayu dan disebabkan suka menunggu sehingga saat terakhir, selau mereka kelam kabut apabila anak hendak melanjutkan pelajaran kerana tiada sumber kewangan sokongan.